



# **GARIS PANDUAN SARINGAN DEMAM KUNING DI PINTU MASUK ANTARABANGSA MALAYSIA**

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**EDISI 2 2018**

## **Penghargaan**

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam menyediakan, menyusun dan membukukan garis panduan ini .

- Penasihat : Dr Norhayati bt Rusli  
Timbalan Pengarah Kawalan Penyakit (Survelan),  
Pakar Perunding Kesihatan Awam (JUSA C)  
Kementerian Kesihatan Malaysia
- Ahli Jawatankuasa : Dr Harisah bt Talib  
Pakar Perubatan Kesihatan Awam UD56  
Pegawai Kesihatan Pejabat Kesihatan KLIA  
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
- Dr Badrul Hisham bt Abdul Samad  
Pakar Perubatan Kesihatan Awam UD56  
Cawangan Survelan, Bahagian Kawalan Penyakit  
Kementerian Kesihatan Malaysia
- : Dr Asiah bt Ayob  
Pakar Perubatan Kesihatan Awam UD56  
Pegawai Kesihatan Epidemiologi Kawalan Penyakit  
Berjangkit  
Jabatan Kesihatan Negeri Perak
- : Dr Noriah bt Ismail  
Pakar Perubatan Kesihatan Awam UD56  
Pegawai Kesihatan Epidemiologi Kawalan Penyakit  
Berjangkit  
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
- : Dr Azmani bt Wahab  
Pakar Perubatan Kesihatan Awam UD56  
Pegawai Kesihatan Epidemiologi Kawalan Penyakit  
Berjangkit  
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu
- Dr Faridah bt Ali  
Pakar Perubatan Kesihatan Awam UD56  
Pegawai Kesihatan Daerah  
Pejabat Kesihatan Daerah Kulai  
Jabatan Kesihatan Negeri Johor
- : Dr Hj Azmi bin Hj Abdul Rahim  
Pakar Perubatan Kesihatan Awam UD54  
Sektor Peraturan Kesihatan dan Kesihatan  
Pengembaraan Antarabangsa

Bahagian Kawalan Penyakit  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr Salmiah Binti Baharudin  
Pakar Perubatan Kesihatan Awam UD54  
Sektor Peraturan Kesihatan dan Kesihatan  
Pengembaraan Antarabangsa  
Bahagian Kawalan Penyakit  
Kementerian Kesihatan Malaysia

: Dr Ho Ai Chia  
Pakar Perubatan Kesihatan Awam UD54  
Pegawai Epidemiologi Penyakit Berjangkit  
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Dr Jennifer @ Jennifer John  
Pegawai Perubatan UD54  
Pegawai Epidemiologi Penyakit Berjangkit  
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

: Dr Izani Uzair bin Zubair  
Pegawai Perubatan UD52  
Pejabat Kesihatan Pintu Masuk Antarabangsa  
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

: Dr Norhasliza bt Abu Bakar  
Pegawai Perubatan UD52  
Pejabat Kesihatan KLIA

Pn Akmalina bt Hanafi  
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran  
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

Pn Idayuni bt Ibrahim  
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran  
Pejabat Kesihatan Lapangan Terbang Pulau Pinang  
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

Pn Aidawati bt Mat Sahir  
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran  
Pejabat Kesihatan KLIA  
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

## **Kandungan**

<b>Bil</b>	<b>Isi Kandungan</b>	<b>Mukasurat</b>
1.	Latar belakang	6
1.1	Demam kuning	6
1.2	Taburan Geografi Demam Kuning	7
1.3	Kesan Imunisasi Demam Kuning	9
1.4	Risiko penularan Demam Kuning di peringkat antarabangsa	9
2.	Objektif	10
3.	Skop	10
4.	Undang- undang dan Peraturan yang berkaitan	10
5.	Terminologi dan Singkatan	12
6.	Proses Kerja Dan Carta Alir Saringan Demam Kuning Kesihatan Pengembara	15
6.1	Prosedur Saringan Kesihatan Pengembara dari Negara Berisiko Demam Kuning di Pintu Masuk	16
6.2	Prosedur Kuarantin Pengembara Yang Tiada Sijil Imunisasi yang sah	18
6.3	Prosedur Pengawasan Kesihatan Pengembara	21
6.4	Prosedur Memindahkan Pengembara Yang Dikuarantin Ke Hospital	23
	<b>Rujukan</b>	25
	<b>Lampiran</b>	
	Lampiran 1- Buku Daftar Pengembara Yang di Saring Demam Kuning	26
	Lampiran 2- Kriteria Sijil Imunisasi Demam Kuning Yang Sah	27
	Lampiran 3- Slip Pengesahan Pelepasan Kesihatan	29
	Lampiran 4 : Maklumat Pengembara Yang Dikuarantin / Pengawasan	30
	Lampiran 5 : Prosedur Pengiraan Tempoh Kuarantin	34
	Lampiran 6 : Perintah Kuarantin – Seksyen 14, Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit	35

Lampiran 7 : Borang Pemantauan Harian Demam Kuning	36
Lampiran 8 : Slip Pelepasan Kuarantin	37
Lampiran 9: Reten Bulanan Pintu Masuk Antarabangsa	39
Lampiran 10: Surat Pengawasan Kepada <i>Undertaker</i>	40
Lampiran 11: Borang Perintah Pengawasan Demam Kuning	42

## 1 Latar belakang

### 1.1 Demam kuning<sup>(1)</sup>

Demam Kuning (*Yellow Fever*) adalah satu penyakit berjangkit akut, disebabkan oleh virus Demam Kuning. Virus Demam Kuning adalah salah satu ahli keluarga virus Flaviviridae.

Demam Kuning dilaporkan di beberapa negara di Afrika serta Amerika Selatan dan Tengah. Virus Demam Kuning ini dibawa atau ditularkan kepada manusia oleh gigitan nyamuk aedes dan nyamuk haemogogus yang dijangkiti demam kuning . Nyamuk-nyamuk ini membiak di sekeliling rumah (domestik), di hutan (liar) atau di kedua-dua habitat tersebut (semi-domestik). Walaupun Malaysia mempunyai vektor yang sama iaitu *Aedes aegypti*, tetapi negara ini masih bebas dari Demam Kuning.

Tempoh inkubasi penyakit ini adalah tiga(3) hingga enam(6) hari. Seseorang yang dijangkiti Demam Kuning boleh mempunyai pelbagai tanda dan gejala klinikal yang ringan atau boleh menjadi teruk(serius). Demam Kuning boleh dibahagi kepada dua(2) fasa iaitu :

- a) Fasa akut (kebanyakan gejala hilang selepas 3 hingga 4 hari) :
  - Demam
  - Sakit otot terutamanya belakang dan lutut
  - Sakit kepala
  - Kurang selera makan
  - Loya
  - Muntah
  
- b) Fasa toksik hanya melibatkan 15%-20% sahaja dari fasa akut dan bermula dari tempoh 24 jam dari permulaan remisi/ penyembuhan .
  - Demam panas kembali
  - Jaundis
  - Pendarahan dari hidung,gusi,mata dan dalam perut
  - Fungsi ginjal menurun

Sepuluh peratus pesakit ini biasanya, meninggal di dalam tempoh 10-14 hari

Tiada rawatan spesifik untuk Demam Kuning. Pencegahan boleh dilakukan melalui imunisasi Demam Kuning yang perlu diambil bagi mereka yang berada atau yang akan melawat ke negara yang endemik dengan Demam Kuning.

## **1.2 Taburan Geografi Demam Kuning**

Demam Kuning adalah endemik di kawasan Afrika, Amerika Tengah dan Amerika Selatan. Berikut adalah senarai negara-negara yang berisiko dalam penularan penyakit Demam Kuning (dikemaskini sehingga April 2019, [www.cdc.gov](http://www.cdc.gov)) :

### **Negara-Negara Afrika**

1. Angola
2. Benin
3. Burundi
4. Cameroon
5. Central Africa Republic
6. Chad
7. Burkina Faso
8. Cote d'Ivoire
9. Democratic Republic of Congo
10. Congo
11. Equatorial Guinea
12. Ethiopia
13. Gabon
14. The Gambia
15. Ghana
16. Guinea
17. Guinea-Bissau
18. Kenya
19. Liberia
20. Mali
21. Mauritania
22. Niger
23. Nigeria
24. South Sudan
25. Senegal
26. Sierra Leone
27. Sudan
28. Togo
29. Uganda

### **Negara-Negara Amerika Tengah dan Selatan**

1. Argentina
2. Bolivia
3. Brazil
4. Colombia
5. Ecuador
6. French Guiana
7. Guyana
8. Panama
9. Peru
10. Suriname
11. Trinidad & Tobago
12. Venezuela
13. Paraguay



### 1.3 Kesan Imunisasi Demam Kuning

Imunisasi Demam Kuning secara besar-besaran telah dimulakan sejak abad ke-20 di negara – negara Afrika berbahasa Perancis seperti Benin, Burkina Faso, Cameroon, Chad, Cote d'Ivoire, Gabon, Guinea, Senegal dan Togo. Kempen imunisasi yang dijalankan di antara tahun 1933 dan 1961 ini telah dapat menurunkan kejadian penyakit ini <sup>(9)</sup>.

### 1.4 Risiko transmisi Demam Kuning di peringkat antarabangsa

Risiko penularan penyakit Demam Kuning kini adalah lebih tinggi berbanding dahulu. Peningkatan industri pelancongan, perniagaan, teknologi penerbangan dan pengangkutan lain membolehkan seseorang sampai ke suatu destinasi dengan cepat. Virus Demam Kuning boleh merebak dengan cepat dan menyebabkan epidemik di kawasan densiti vektor yang tinggi dan ramai populasi yang tidak mempunyai imuniti terhadap penyakit ini.

#### **Adakah Malaysia berisiko untuk Demam Kuning?**

Malaysia yang mempunyai cuaca panas lembap Tropika, persekitaran serta sikap masyarakat yang menyumbang kepada wujudnya kepadatan nyamuk *Aedes aegypti* yang tinggi. Nyamuk *Aedes aegypti* merupakan vektor kepada kedua-dua penyakit Demam Denggi dan Demam Kuning. Banyak kajian menunjukkan wujudnya kepadatan nyamuk *Aedes aegypti* yang tinggi meliputi kawasan-kawasan tumpuan awam di seluruh Malaysia<sup>(4,5,6,7)</sup>. Data menunjukkan peningkatan jumlah kes Demam Denggi di Malaysia dari tahun 1999-2016.

Data tahun 2016, menunjukkan pertambahan 6% pengembara di lapangan terbang yang keluar masuk negara pada tersebut berbanding tahun sebelumnya (tahun 2015) iaitu sebanyak 88,976,931 orang <sup>(8)</sup>. Malaysia menerima penerbangan secara langsung atau tidak langsung dari negara endemik Demam Kuning melalui lima (5) syarikat penerbangan utama<sup>(9)</sup>. Kebarangkalian untuk menularkan penyakit Demam Kuning adalah tinggi. Meskipun begitu, sehingga kini tiada kes Demam Kuning dilaporkan di Malaysia.

## 2 Objektif

### 2.1 Objektif Umum

- Untuk mencegah kemasukan penyakit Demam Kuning ke dalam negara dan mengekalkan Malaysia sebagai negara bebas dari penyakit tersebut.

### 2.2 Objektif Khusus

- Untuk memastikan saringan dilakukan ke atas semua pengembara yang tiba dari negara berisiko penularan penyakit Demam Kuning.
- Untuk melaksanakan prosedur kuarantin dan pengawasan bagi pengembara yang tidak mempunyai sijil imunisasi Demam Kuning yang sah.
- Untuk memastikan saringan dijalankan ke atas semua pengembara di *autogate*.
- Untuk memastikan saringan dijalankan ke atas semua pengembara yang terlibat dalam acara antarabangsa.
- Untuk menguatkuasakan Akta Pengawalan dan Pencegahan Penyakit Berjangkit 1988.

## 3 Skop

Garis panduan ini digunakan oleh anggota kesihatan yang terlibat dalam aktiviti saringan penyakit Demam Kuning di pintu masuk antarabangsa Malaysia.

## 4 Undang-undang dan Peraturan yang berkaitan

1. Peraturan Kesihatan Antarabangsa (International Health Regulations, IHR 2005) di bawah *Annex 7* menjelaskan bahawa sesebuah negara boleh mengkehendaki seseorang pengembara yang pernah melawat negara endemik Demam Kuning mengemukakan sijil imunisasi Demam Kuning.
2. Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988, di bawah seksyen 5 menjelaskan bahawa pegawai-pegawai polis, kastam dan imigresen, dan pegawai-pegawai dari jabatan dan agensi-agensi kerajaan lain hendaklah memberikan apa-apa bantuan yang diminta oleh mana-mana pegawai diberikuasa bagi maksud membolehkannya menjalankan kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh Akta ini atau peraturan yang dibuat di bawah Akta ini <sup>(11)</sup>.

### **Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988:**

Di bawah seksyen 7(1) Seseorang pegawai diberikuasa boleh:-

(3) Jika semasa dia membuat pemeriksaan perubatan di bawah subseksyen(1) seseorang pegawai diberikuasa mendapati atau mempunyai sebab untuk percaya bahawa mana-mana orang telah dijangkiti atau adalah seorang kontak, dia boleh memerintahkan supaya orang itu-

(a) dipindahkan ke suatu stesen kuarantin dan ditahan di sana bagi pengasingan atau pemerhatian; dan

(b) diletakkan di bawah pengawasan sehingga penyakit itu tidak lagi dapat menjangkiti orang lain.

Di bawah Seksyen 14 seseorang pegawai diberikuasa boleh menyebabkan supaya mana-mana orang yang dijangkiti atau yang dia mempunyai sebab untuk percaya telah dijangkiti oleh sesuatu penyakit berjangkit dipindahkan ke suatu stesen kuarantin bagi rawatan dan boleh menahan orang itu di stesen itu sehingga dia boleh dilepaskan tanpa membahayakan orang ramai.

Di bawah Seksyen 22 mana-mana orang yang-

- a. menghalang atau menggendalakan, atau membantu menghalang atau menggendalakan, mana-mana pegawai diberikuasa dalam melaksanakan kewajipannya;
- b. tidak mematuhi apa-apa perintah yang sah yang dikeluarkan oleh mana-mana pegawai diberikuasa;
- c. enggan memberikan apa-apa maklumat yang dikehendaki bagi maksud Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, atau;
- d. apabila dikehendaki memberikan maklumat di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, memberikan maklumat palsu, adalah melakukan suatu kesalahan.

## 5 Terminologi dan singkatan

### A. Terminologi

<b>Terminologi</b>	<b>Maksud</b>
Imunisasi	Pemasukan antigen-antigen atau antibodi-antibodi tertentu ke dalam tubuh manusia dengan tujuan memberikan imuniti terhadap penyakit yang berkenaan, dan termasuklah vaksinasi;
Jangkitan	Kemasukan agen-agen penyakit berjangkit ke dalam benda-benda bernyawa dan pembiakan dalam benda-benda bernyawa;
Pegawai diberikuasa	Mana-mana Pegawai Kesihatan, mana-mana inspektor kesihatan, atau mana-mana pegawai yang dilantik oleh Menteri di bawah seksyen 3
Pegawai Kesihatan	Mana-mana pengamal perubatan dalam perkhidmatan kerajaan atau mana-mana pihak berkuasa tempatan yang sedang menjalankan tugas-tugas Pegawai Kesihatan dalam mana-mana kawasan, daerah, atau kawasan pihak berkuasa tempatan, termasuk had lapangan
Pemerhatian	Penyisihan mana-mana kontak atau orang yang disyaki mengidap apa-apa penyakit berjangkit bagi maksud menentukan sama ada dia mengidap penyakit berjangkit atau tidak, dan termasuklah rawatan orang itu;
Pengasingan	Apabila dipakai bagi seseorang atau sekumpulan orang ertinya memisahkan orang itu atau kumpulan orang itu daripada orang-orang lain, kecuali kakitangan yang bertanggungjawab atas penjagaan atau pengasingan orang-orang yang tersebut, mengikut apa-apa cara untuk mencegah merebaknya jangkitan itu, dan termasuklah rawatan orang itu atau kumpulan orang itu;
Pengawasan	Pengenaan mana-mana orang yang tidak diasingkan kepada pemeriksaan atau siasatan berkala bagi maksud menentukan keadaan kesihatannya dan kepada syarat-syarat yang dikenakan oleh pegawai diberikuasa bagi maksud itu;
Pengembara	Semua orang termasuk penumpang dan anak kapal(krew) pengangkutan udara, laut dan darat
Stesen	Ertinya mana-mana tempat di mana pengasingan atau

kuarantin	pemerhatian dijalankan dan termasuklah sesuatu hospital penyakit berjangkit dan mana-mana tempat yang diisytiharkan oleh Menteri dalam Warta sebagai stesen kuarantin;
VVIP (Very-very Important Person) dan VIP (Very Important Person)	Seseorang yang bertaraf Agong dan Pemaisuri Agong, Sultan dan Sultanah, Yang DiPertua Negeri, Ketua-Ketua Negara seperti Presiden, Timbalan Presiden, Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri Besar, Ketua Menteri, Menteri-menteri, Timbalan Menteri, Gabenor, Duta, Isteri-isteri mereka.
Tetamu Khas Kerajaan	Adalah seorang yang menjadi tetamu kerajaan Malaysia di mana segala urusan lawatan / program, tempat tinggal, pengangkutan, pegawai pengiring, dan lain-lain yang berkenaan diurus dan ditanggung perbelanjaannya oleh kerajaan Malaysia.
Pihak Atasan Kementerian Kesihatan Malaysia	Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia (Kesihatan Awam), Pengarah Kawalan Penyakit dan Timbalan Pengarah Kawalan Penyakit (Survelan) Kementerian Kesihatan Malaysia.
Acara Antarabangsa	Semua acara yang dianjurkan di Malaysia oleh kerajaan dan badan berkanun seperti persidangan, seminar, mesyuarat, kursus, bengkel, latihan, sukan dan melibatkan peserta dari lain-lain negara termasuk pelajar untuk institusi pengajian tinggi awam di Malaysia
<i>Undertaker</i>	Individu yang dipertanggungjawabkan untuk mengawas seseorang yang diletakkan di bawah survelan Demam Kuning
<i>Autogate</i>	Tempat pengesahan pasport automatik bagi warganegara Malaysia

## B. Singkatan


Singkatan	Penerangan
ETA	Expected Time of Arrival
HQC	<i>Health Quarantine Centre (HQC)</i> atau Stesen Kuarantin Kesihatan
JT	Jururawat Terlatih
PK	Pegawai Kesihatan
PKA	Pembantu Kesihatan Awam
PKD	Pejabat Kesihatan Daerah
PKP	Pegawai Kesihatan Persekitaran
PMA	Pintu Masuk Antarabangsa
PP	Pegawai Perubatan
PPK	Pembantu Perawatan Kesihatan
PPKP	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran atau Inspektor Kesihatan (nama lama)
PPP	Penolong Pegawai Perubatan
QA	Quarantine Anchorage
SSCC	Ship Sanitation Control Certificate
SSCEC	Ship Sanitation Control Exemption Certificate
UKA	Unit Kesihatan Awam
WHO	World Health Organization

## 6 Proses Kerja Dan Carta Alir Saringan Kesihatan Pengembara

### 6.1 Prosedur Saringan Demam Kuning di *Autogate* Pintu Masuk Antarabangsa

No	Proses Kerja	Tanggungjawab
1.	Membuat persediaan untuk aktiviti saringan seperti memakai pakaian seragam dengan kemas, kad kuasa dan borang-borang saringan yang berkaitan	PK/PP/PPKP/JT
2.	Membuat saringan secara rawak ke atas pengembara sebelum memasuki <i>autogate</i>	PK/PP/PPKP/JT
3.	Merekodkan maklumat saringan pengembara yang melalui <i>autogate</i> (Lampiran ?? )	PPKP/JT/PKA

### Carta Alir Saringan Kesihatan Pengembara dari Negara Berisiko Demam Kuning di *Autogate*




## 6 Proses Kerja Dan Carta Alir Saringan Kesihatan Pengembara

### 6.1 Prosedur Saringan Kesihatan Pengembara dari Negara Berisiko Demam Kuning di Pintu Masuk

Bil	Proses Kerja	Tanggungjawab
1	<p><b>PMA UDARA/DARAT</b> Menerima pengembara yang dirujuk oleh pihak Imigresen atau pengembara datang sendiri ke pusat pemeriksaan/HQC (<i>Health Quarantine Centre</i>)</p> <p><b>PMA LAUT</b> Menerima makluman dari agen mengenai ketibaan kapal daripada negara-negara berisiko demam kuning dan membuat klasifikasi kapal tersebut sebagai Kapal Kuarantin sekurang-kurangnya 24 jam sebelum ketibaan di perairan Malaysia.</p>	PK/PP/PPKP/JT
2	<p><b>PMA UDARA/DARAT</b> Mendapatkan dokumen perjalanan pengembara seperti passport, sijil suntikan dan <i>boarding pass</i>.</p> <p><b>PMA LAUT</b> Menyemak dan mengesahkan dokumen perjalanan seperti deklarasi kesihatan maritim, senarai pengembara, senarai vaksinasi, sejarah pelabuhan terakhir disinggahi, passport dan sijil suntikan dari kapten/pengembara/pengurusan kapal <i>cruise</i>.</p>	PK/PP/PPKP/JT/PP
3	Daftarkan pengembara yang disaring ke dalam <b>Buku Daftar Demam Kuning</b> (Lampiran 1)	PPKP / JT
4	Sekiranya <b>sijil imunisasi Demam Kuning adalah sah</b> (Lampiran 2) ataupun pengembara telah keluar dari negara berisiko melebihi enam (6) hari, isikan <b>Slip Pengesahan Pelepasan Kesihatan</b> (Lampiran 3)	PPKP / JT
5	Serahkan <b>Slip Pengesahan Pelepasan Kesihatan</b> bersama-sama dengan passport, <i>boarding pass</i> dan sijil vaksinasi Demam Kuning kepada pengembara berkenaan atau pegawai pengiring. Pengembara ini diberi pelepasan kesihatan dan dibenarkan ke kaunter Imigresen.	PPKP / JT

### Carta Alir Saringan Kesihatan Pengembara dari Negara Berisiko Demam Kuning di Pintu Masuk




## 6.2 Prosedur Kuarantin Pengembara Yang Tiada Sijil Imunisasi Yang Sah

Bil	Proses Kerja	Tanggungjawab
1	<p>Kenalpasti pengembara berikut dikuarantin jika:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak mempunyai sijil imunisasi atau mempunyai sijil imunisasi Demam Kuning yang tidak sah.</li> </ul> <p>DAN</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Tempoh berlepas dari negara berisiko transmisi Demam Kuning kurang dari enam (6) hari</li> </ul>	PK/PP/PPKP/PPP/JT
2	Dapatkan maklumat lanjut pengembara dan isikan maklumat dalam <b>Borang Maklumat Pengembara Yang Dikuarantin/ Pengawasan</b> (Lampiran 4) dan dihantar kepada Pegawai Kesihatan untuk makluman dan tindakan seterusnya.	PPKP
3	Kira tempoh masa yang perlu dikuarantin (Lampiran 5)	PPKP/JT/PPP
4	<p><b>PMA YANG MEMPUNYAI HQC</b> Mengeluarkan perintah kuarantin menggunakan Borang Perintah Kuarantin (Seksyen 14) (Lampiran 6) untuk dikuarantin di HQC PMA. Serahkan salinan Borang Perintah Kuarantin kepada pengembara untuk simpanan sepanjang dikuarantin.</p> <p><b>PMA YANG TIDAK MEMPUNYAI HQC</b> Mengeluarkan perintah kuarantin menggunakan Borang Perintah Kuarantin (Seksyen 14) (Lampiran 6) untuk dikuarantin di tempat yang ditetapkan. Serahkan salinan Borang Perintah Kuarantin kepada pengembara untuk simpanan sepanjang dikuarantin.</p> <p><b>PMA LAUT</b> Mengeluarkan perintah kuarantin menggunakan Borang Perintah Kuarantin (Seksyen 14) (Lampiran 6) kepada pengembara berkaitan supaya dikuarantin di atas kapal atau di stesen kuarantin yang ditetapkan sehingga tamat tempoh.</p>	PPKP
5	Mengemaskini Buku Daftar Demam Kuning (Lampiran 1).	PPKP/JT/PPP
6	<p><b>PMA UDARA/DARAT</b> Mengiringi pengembara untuk mengambil beg di <i>carousel</i>. Pastikan anggota kesihatan sentiasa memegang pasport</p>	PPKP/JT/PPP
7	Menyimpan pasport pengembara di tempat berkunci.	PPKP/JT/PPP
8	Memberi penerangan mengenai prosedur kuarantin dan orientasi kepada pengembara yang dikuarantin (Lampiran 7).	PPKP/JT/PPP

9	Pemeriksaan kesihatan dijalankan setiap hari sehingga tamat tempoh kuarantin (Lampiran 7A).	JT/PPP
10	Pastikan makanan untuk pengembara dijadualkan sepanjang tempoh kuarantin, bilik tidur adalah kemas, bersih dan keperluan lain disediakan mengikut <i>standard</i> yang ditetapkan.	JT/PPP
11	Pemeriksaan lanjutan oleh PP/PPP jika didapati ada tanda dan gejala Demam Kuning, rujuk ke hospital untuk siasatan dan rawatan.	PP/PPP
12	Setelah pengembara tamat tempoh kuarantin, <b>Slip Pelepasan Kuarantin Kesihatan</b> (Lampiran 8) diberikan kepada pengembara berkenaan. Pengembara ini diberi pelepasan kesihatan dan dilepaskan ke kaunter Imigresen.	PPKP
13	Mengemaskini maklumat dan menghantar reten bulanan kepada JKN (Lampiran 9)	PPKP


### Carta Alir Prosedur Kuarantin Pengembara Yang Tiada Sijil Immunisasi yang Sah



### 6.3 Prosedur Pengawasan Kesihatan Pengembara

Bil	Proses Kerja	Tanggungjawab
1	Menerima arahan daripada pihak atasan KKM melalui Pegawai Kesihatan / Pegawai Perubatan untuk kebenaran pelepasan di bawah pengawasan kesihatan	PK/PP
2	Menerangkan prosedur pengawasan dan mendapatkan maklumat kesihatan pengembara.	PP/PPKP/JT/PPP
3	Menghubungi penganjur, kedutaan atau yang menguruskan kemasukan pengembara untuk menjadi <i>undertaker</i> kepada pengembara.	PP/PPKP
4	Memaklumkan kepada pengembara dan <i>undertaker</i> mengenai tanggungjawab mereka.	PPKP/PP/JT/PPP
5	Mengisi surat pengawasan kepada <i>Undertaker</i> (Lampiran 10), Borang Perintah Pengawasan Kesihatan Demam Kuning (Lampiran 11 dan Lampiran 7)	PPKP /JT/PPP
6	Memaklumkan dan email/fax maklumat kepada Pejabat Kesihatan Daerah mengenai pemantauan kesihatan harian pengembara, kawalan vektor serta prosedur pengawasan: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Borang pemantauan kesihatan harian (Lampiran 7A)</li> <li>• Arahan <i>undertaking</i> (Lampiran 10)</li> <li>• Borang Perintah Pengawasan Kesihatan Demam Kuning (Lampiran 11)</li> </ul>	PK/PP/PPKP
7	Memaklumkan kepada pegawai Imigresen mengenai pengembara yang akan dijalankan prosedur pengawasan oleh PKD yang berkaitan.	PPKP/JT/PPP
8	Menjalankan pemeriksaan kesihatan setiap hari sehingga tamat tempoh pengawasan.	PK/PP/PPP/JT
9	Mendapatkan maklumat kesihatan harian pengembara melalui pengamal perubatan atau <i>undertaker</i> .	PK/PP
10	Menghantar Laporan Pemeriksaan Kesihatan Harian setiap hari sebelum jam 10.00 pagi sehingga tamat tempoh pengawasan kepada CPRC Negeri dan CPRC KKM (Lampiran 9) dan PMA yang memberikan pelepasan kepada pengembara.	PK/PP/JT/PPP
11	Menghubungi pihak penganjur/ <i>undertaker</i> sekiranya gagal memperolehi maklumat kesihatan pengembara dalam masa yang ditetapkan.	PPKP / JT/PPP
12	Mendapatkan <i>slip pelepasan</i> dari PK PMA./PKD berkaitan.	PPKP / JT/PPP


### Carta Alir Prosedur Pengawasan Kesihatan Pengembara



#### 6.4 Prosedur Memindahkan Pengembara dari PMA untuk dikuarantin di Stesen Kuarantin

Bil	Proses Kerja	Tanggungjawab
1.	Menghubungi Pengarah Hospital/PKD memaklumkan keperluan menghantar pengembara untuk dikuarantin di hospital/Stesen Kuarantin berkenaan.	PK/Pengarah Hospital
2.	Memaklumkan dan memohon pelepasan masuk sementara daripada pihak imigresen dan AVSEC(PMA UDARA) bagi pengembara akan akan dihantar ke hospital/Stesen Kuarantin untuk tujuan dikuarantin.	PK/PPKP
3.	Menghubungi pihak Pengurusan PMA untuk memaklumkan terdapat pengembara yang perlu dihantar ke hospital untuk dikuarantin.	PK/PPKP
4.	Memohon bantuan pegawai polis (jika perlu) untuk membantu mengiringi anggota kesihatan dalam proses penghantaran ke hospital .	PK/PPKP
5.	Menghubungi anggota kesihatan yang berkaitan untuk menjalankan pemantauan kesihatan harian dan memastikan maklumat kesihatan harian dihantar ke CPKC Jabatan Kesihatan Negeri (Lampiran 7)	JT di wad/ UKA hospital/PKD
6.	Menyediakan kenderaan untuk ke hospital/Stesen Kuarantin.	Pemandu
7.	Menghubungi hospital/Stesen Kuarantin yang berkaitan untuk mengesahkan persediaan wad/bilik untuk menerima pengembara.	JT/PPKP
8.	Menghantar pengembara ke hospital/Stesen Kuarantin, memberi dokumen-dokumen yang berkaitan (Borang Pemantauan Kesihatan Harian, Arahan Kuarantin) serta menerangkan prosedur kuarantin kepada ketua jururawat/pegawai Stesen Kuarantin yang bertugas.	PPKP/JT/PPP
9.	Menyerahkan pasport serta surat pelepasan sementara (yang diperolehi daripada Imigresen) oleh PPKP PMA kepada Ketua Jururawat yang bertugas di hospital.	PPKP/JT
10	Meneruskan prosedur kuarantin di hospital/Stesen Kuarantin sehingga tamat tempoh kuarantin.	JT/ UKA hospital/PPKP
11.	Menyerahkan Slip Pelepasan Kuarantin dan pasport kepada pengembara setelah tamat tempoh kuarantin.	UKA hospital/PPKP

### Carta Alir Prosedur Memindahkan Pengembara Yang Dikuarantin Ke Hospital/Stesen Kuarantin.



## Rujukan

1. WHO. Yellow Fever. Retrieved from <http://www.who.int/csr/disease/yellowfev/en/>.
2. CDC. Yellow Fever. Retrieved from <https://www.cdc.gov/yellowfever/maps/index.html>.
3. WHO. 2018. Yellow Fever Factsheets. Retrieved from <http://www.who.int/mediacentre/factsheets/fs100/en/>
4. Wan-Norafikah, O., Chen, C. D., Soh, H. N., Lee, H. L., Nazni, W. A., & Sofian-Azirun, M. (2009). Surveillance of Aedes mosquitoes in a university campus in Kuala Lumpur, Malaysia. *Tropical biomedicine*, 26(2), 206-215.
5. Dom, N. C., Ahmad, A. H., Ishak, A. R., & Ismail, R. (2013). Assessing the risk of dengue fever based on the epidemiological, environmental and entomological variables. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 105, 183-194.
6. Lau, S. M., Vythilingam, I., Doss, J. I., Sekaran, S. D., Chua, T. H., Wan Sulaiman, W. Y., ... & Venugopalan, B. (2015). Surveillance of adult Aedes mosquitoes in Selangor, Malaysia. *Tropical Medicine & International Health*, 20(10), 1271-1280.
7. Wan-Norafikah, O., Nazni, W. A., Noramiza, S., Shafa'ar-Ko'Ohar, S., Heah, S. K., Nor-Azlina, A. H., ... & Lee, H. L. (2012). Distribution of Aedes mosquitoes in three selected localities in Malaysia. *Sains Malaysiana*, 41(10), 1309-1313.
8. WHO. Yellow fever resurgence : impact of mass vaccination campaigns. Retrieved from <http://www.who.int/csr/disease/yellowfev/massvaccination/en/>.
9. Wasserman, S., Tambyah, P. A., & Lim, P. L. (2016). Yellow fever cases in Asia: primed for an epidemic. *International Journal of Infectious Diseases*, 48, 98-103. Retrieved from <http://www.ijidonline.com/article/S1201-9712%2816%2931043-8/pdf>.
10. *Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1075 (Akta 154)(Mal)*.
11. *Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit (Akta 342)(Mal)*.

Lampiran

Lampiran 1  
KKM.YF 01/18

### Buku Daftar Pengembara yang disaring Demam Kuning

BULAN :

TAHUN: 2018

BIL	TARIKH	Q/NO	S/NO	NAMA PENGEMBARA	L/P	NO PASSPORT	WARGA NEGARA	NEGARA ENDEMIK YANG DILAWATI	TARIKH DISCAJ	CATATAN

BIL KUARANTIN :  
BIL PENGAWASAN :


Q/NO = Nombor Kuarantin  
S/NO = Nombor Sijil

JUMLAH :


## **Kriteria Sijil Imunisasi Demam Kuning Yang Sah**

1. Dalam bahasa Inggeris atau Perancis.
2. Imunisasi yang diperakukan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).
3. Ditandatangani oleh pegawai perubatan atau pegawai diberi kuasa yang menyelia suntikan imunisasi.
4. 'Cop Rasmi' pusat yang diperakukan oleh "WHO".
5. Selepas 10 hari dari tarikh suntikan.
6. Segala butiran adalah lengkap.

### **Gambarajah**



### Butiran Yang Lengkap



1. Nama Pemilik Kad

2. Tarikh Lahir

3. Pelalian Yellow Fever

4. Tandatangan Pemilik Kad


5. Cop Pengesahan "Approved Yellow Fever Vaccinating Centres"  
6.No. Siri Vaksin (Batch No.)

7. Perkiraan valid kad berdasarkan tarikh suntikan **LANGKAH [ 5 ]**

9. Tarikh Ambil Suntikan

8. Tandatangan Pegawai Perubatan Yang Diiktiraf

## Slip Pengesahan Pelepasan Kesihatan

 <b>KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA</b>
<b>PENGESAHAN PELEPASAN KESIHATAN</b>
Tarikh: _____ <i>Date</i>
Nama: _____ <i>Name</i>
No. Pasport: _____ <i>Passport Number</i>
SIJIL KESIHATAN TELAH DIPERIKSA <i>Health Certificate Checked</i>
_____ _____ _____

## Maklumat Pengembara Yang Dikuarantin / Pengawasan

### A. MAKLUMAT PENGEMBARA

- Nama
- Tarikh Lahir
- Jantina
- Bangsa
- No kad pengenalan
- No Passsport
- Warganegara
- Pekerjaan
- No tel di Malaysia
- Email
- Nama Organisasi di Malaysia
- Status VIP/tetamu (Ya/Tidak)
- Tarikh berlepas dari negara asal
- Tarikh tiba di negara endemik
- Tarikh berlepas dari negara endemik
- Tarikh & waktu tiba di Malaysia
- Nombor Penerbangan
- Tujuan Datang ke Malaysia
- Alamat di Malaysia
- Alamat lain di Malaysia
- Tempoh berada di Malaysia
- Pernahkan pengembara ini datang ke Malaysia sebelum ini? (Ya/Tidak)
- Semak data di Pusat Pemeriksaan/Kuarantin dan Imigresen

### B. MAKLUMAT PENGANJUR: Dapatkan bukti dari dokumen.

- a. Nama penganjur / agensii  
.....
- b. Status penganjur (kerajaan/swasta) :
- c. No. telefon :
- d. Alamat e-mail penganjur :
- e. Alamat penganjur :
- f. Adakah pengembara ini tahu tentang keperluan vaksinasi Demam Kuning sebelum memasuki Malaysia? Ya/Tidak
- g. Adakah penganjur memaklumkan kepada pengembara ini mengenai keperluan vaksinasi Demam Kuning?: Ya / Tidak
- h. Adakah penganjur memaklumkan kepada pengembara untuk membawa sijil imunisasi Demam Kuning? Ya/Tidak

**C. MAKLUMAT SUNTIKAN VAKSIN DEMAM KUNING: (dapatkan maklumat melalui temubual)**

- a. Adakah pengembara pernah mendapat suntikan vaksin Demam Kuning ? Ya / Tidak
- b. Nyatakan, tempat di mana suntikan dilakukan?. Bahu / punggung /Lain-lain-  
\_\_\_\_\_
- c. Bilakah suntikan diambil? Tahun\_\_\_\_\_Bulan\_\_\_\_\_ Tarikh\_\_\_\_\_
- d. Di manakah pengembara mengambil suntikan?\_\_\_\_\_

**D. SEMAKAN SIJIL IMUNISASI DEMAM KUNING YANG DIBAWA OLEH PENGEMBARA**

Maklumat	Ada/Tidak/Catatkan
Nama pemilik	
Nombor Pasport	
Tarikh lahir	
Jenis pelalian	
Jantina	
Cop pengesahan	
Nombor siri vaksin	
Tandatangan Pegawai Perubatan yang memberi suntikan	
Tarikh suntikan	
Adakah kad ini sah (Sah/Tidak)	
Jika Tidak Sah, Nyatakan	

**D: MAKLUMAT TAMBAHAN**

- a. Adakah pengembara berseorangan atau berkumpulan/keluarga, nyatakan:  
\_\_\_\_\_
- b. Berapakah bilangan ahli kumpulan/keluarga: nyatakan umur/status vaksinasi:\_\_\_\_\_
- c. Jika terdapat pengembara memaklumkan terdapat **kontraindikasi untuk suntikan vaksin**, sila dapatkan bukti.
- d. Jika terdapat kekeliruan dalam status kad/ sumber kad vaksinasi, sila nyatakan beserta bukti (ambil gambar): \_\_\_\_\_

Bil.	Nama	Umur	Jantina (L/P)	Hubungan (Kawan/Ayah, Ibu dll)	No Telefon	Status Vaksinasi	
						Ya (nyatakan tarikh)	Tidak (nyatakan sebab)


**E. STATUS KESIHATAN**

Tekanan Darah: \_\_\_\_\_ Suhu: \_\_\_\_\_ Nadi: \_\_\_\_\_

Tanda Dan Gejala Untuk Penyakit Demam Kuning :	Tandakan (V) Jika Ada
Demam	
Sakit Kepala	
Loya	
Muntah	
Sakit Belakang	
Sakit- sakit bahagian otot (seluruh badan)	
Jaundis	
Tanda-tanda pendarahan	

d. Sejarah perubatan :

Penyakit	Nyatakan jika berkaitan
Sejarah Penyakit lain	
Sejarah Pembedahan	
Sejarah Obstetric & Gynecology	
Alahan (allergy)-Jenis makanan, ubat dan lain-lain.	
Ubat-ubatan dimakan (berapa jenis, nama ubat, kekerapan memakan ubat)	
Keluarga yang menghidap sebarang jenis penyakit (nyatakan nama penyakit)	
Kemasukan ke dalam wad di hospital (sebab dan bila)	

e Adakah pelawat ini kontraindikasi untuk mendapat suntikan

KONTRAINDIKASI	Ya atau tiada
<b>Alergi terhadap Vaksin Demam Kuning (<i>Allergy to vaccine component</i>)</b>	
<b>Bayi yang berumur bawah 6 bulan (<i>Age &lt;6 months</i>)</b>	
<b>Pesakit HIV yang simptomatik (<i>Symptomatic HIV infection or CD<sub>4</sub>T-lymphocytes 200/mm<sup>3</sup></i>)</b>	
<b>Gangguan Thymus dengan fungsi sel imun yang tidak tahan (<i>Thymus disorder associated with abnormal immune cell-function</i>)</b>	
<b>Kekurangan daya tahan primer. (<i>Primary immunodeficiencies</i>)</b>	
<b>Neoplasma malignan. (<i>Malignant neoplasms</i>)</b>	
<b>Pemindahan organ (<i>Transplantation</i>)</b>	
<b>Imunosupresif dan imunomodulatori terapi. (<i>Immunosuppressive and immunomodulatory therapies</i>)</b>	
<b>LANGKAH BERJAGA-JAGA</b>	
<b>Bayi berumur 6 bulan hingga 8 bulan. (<i>Age 6-8 months</i>)</b>	

<b>Orang dewasa berumur 60 tahun dan ke atas. (Age 60 years)</b>	
<b>Pesakit HIV yang asimptomatik .(Asymptomatic HIV infection and CD<sub>4</sub>T-lymphocytes 200-499/mm<sup>3</sup>)</b>	
<b>Ibu mengandung. (Pregnancy)</b>	
<b>Ibu yang menyusukan bayi (Breastfeeding)</b>	

**F: TINDAKAN**

a. Kuarantin / Pengawasan\* Nyatakan sebab terperinci:

.....

- I) Tarikh mula :
- II) Tarikh tamat :
- III) Lain-lain maklumat :

b. Jika di bawah pengawasan , sila catat maklumat pegawai bertanggungjawab

(Undertaker)

- I) Nama :
- II) Alamat :
- iii) No. Telefon :
- IV) Jawatan :

**Disediakan Oleh PPKP U29 :**

.....  
Nama :  
Tarikh :

\*Sila potong yang tidak berkenaan.

**Disemak Oleh PPKP 32/PP :**

.....  
Nama :  
Tarikh :

\*Sila potong yang tidak berkenaan.

**Lampiran 5**  
**KKM.YF 05/18**

**Prosedur Pengiraan Tempoh Kuarantin**

1. Dapatkan pasport/*boarding pass*/deklarasi kesihatan maritim dan kad suntikan imunisasi Demam Kuning (jika ada) .
2. Kenalpasti tarikh dan masa keluar daripada negara endemik Demam Kuning terakhir yang dilawati berdasarkan *boarding pass* pengembara/sejarah pelabuhan terakhir disinggahi.
3. Kenal pasti tarikh dan masa tiba di PMA
4. Tempoh kuarantin adalah bermula daripada tarikh pengembara keluar daripada negara endemik Demam Kuning yang terakhir.

**Contoh 1 :**

- Pengembara berlepas dari Sudan pada 20 Januari 2018 jam 3.50pm dan
- Tiba di KLIA pada 21 Januari 2018 jam 12.00 tengah hari .
- Jadi, pengembara tersebut perlu dikuarantin bermula 20 Januari 2018 sehingga 26 Januari 2018 dan dilepaskan pada 27hb Januari 2018 selepas jam 00.00.

**Contoh 2 :**

- Pengembara berlepas dari Sudan pada 20 Januari 2018 jam 3.50pm dan tiba di KLIA pada 21 Januari 2018 jam 12.00 tengah hari .
- Tarikh suntikan Demam Kuning pada kad suntikan 13 Januari 2018, pengembara tersebut perlu dikuarantin sehingga suntikan tersebut matang (selepas 10 hari suntikan) .
- Jadi, pengembara tersebut perlu dikuarantin bermula 20 Januari 2018 sehingga 23 Januari 2018 dan dilepaskan pada 24hb Januari 2018 selepas jam 00.00 pagi


**Contoh 3 :**

- Pengembara berlepas dari Sudan pada 5 Mac 2018 jam 3.50pm dan pergi bercuti bersama isteri untuk berbulan madu di Bali selama 3 hari kemudian berlepas ke Malaysia pada 8 Mac 2018.
- Tiba di KLIA pada 8 Mac jam 8.00 malam
- Jadi, pengembara tersebut perlu dikuarantin bermula 8 Mac 2018 sehingga 11 Mac dan dilepaskan pada 12 hb Mac 2018 selepas jam 00.00 pagi

Lampiran 6  
KKM.YF 06/18

Perintah Kuarantin – Seksyen 14, Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit

**NO. SIRI :**



**GOVERNMENT OF MALAYSIA  
PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS DISEASES ACT 1988  
(SECTION 14)**

Full Name ..... Male / Female  
.....

Passport No ..... Country of Origin  
.....

Date of Departure..... Date of Arrival  
.....

Address of Residence in Malaysia  
.....  
.....  
.....


Since you have not fulfilled Yellow Fever vaccination requirements of Malaysia, you are required to be quarantined at .....

FROM ..... TO .....  
(date) (date)

Dated this ..... day of .....

Before me

.....  
(Signature of Authorized Officer)



.....  
(Name)

**Lampiran 7**  
**KKM.YF 07/18**

**Penerangan Prosedur Kuarantin Dan Orientasi Kepada Pengembara Yang  
Di Kuarantin**

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Tandakan (√/X)</b>
1	Orientasi HQC/Stesen Kuarantin dan kemudahan yang disediakan	
2	Penerangan tentang penyakit Demam kuning dan proses semasa tempoh kuarantin	
3	Sajian dan peruntukan makanan yang disediakan sepanjang tempoh kuarantin	
4	Risalah kemudahan yang disediakan di HQC/Stesen Kuarantin	
5	Taklimat Keselamatan	

**5. Senarai semak keperluan asas pengembara yang dikuarantin**

<b>Bil</b>	<b>Peralatan</b>	<b>Diberi</b>	<b>Dipulangkan</b>
1	Tuala Mandi		
2	Sabun / gel mandian		
3	Selipar		
4	Selimut		
5	Sejadah		
6	No kunci loker		

Nama Pegawai: \_\_\_\_\_

Tandatangan Pegawai: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

### Borang Pemantauan Harian Demam Kuning

Tandakan  $\checkmark$  pada kotak berkaitan

KUARANTIN

PENGAWASAN

#### 1. Data Peribadi Pengembara

Nama : \_\_\_\_\_ Umur

: \_\_\_\_\_

Alamat di Malaysia :  
\_\_\_\_\_

Jantina : \_\_\_\_\_ Warganegara : \_\_\_\_\_ Pekerjaan : \_\_\_\_\_ (Swasta/  
Kerajaan)

Tujuan Lawatan ke Malaysia : \_\_\_\_\_ Negara Endemik  
dilawati: \_\_\_\_\_

No.Penerbangan : \_\_\_\_\_ Tarikh berlepas: \_\_\_\_\_ Tarikh & waktu  
tiba: \_\_\_\_\_

i. Sijil vaksinasi : ada / tiada      ii: Status sijil : sah / tidak sah      iii. Tarikh vaksinansi  
: \_\_\_\_\_

Tarikh dikuarantin : \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_ Tarikh Discaj :  
\_\_\_\_\_

Tarikh pengawasan : \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_ Tamat pengawasan:  
\_\_\_\_\_

Nama Penganjur : \_\_\_\_\_ No tel : \_\_\_\_\_ H/P :  
\_\_\_\_\_

#### 2. Catatan Semasa Kemasukan

##### Sejarah Kesihatan

Perubatan : Ya/Tidak, Jika ya : \_\_\_\_\_ Rawatan/Ubat-  
ubatan(Rx) \_\_\_\_\_

Pembedahan : Ya/Tidak, Jika ya : \_\_\_\_\_ Rawatan/Ubat-  
ubatan(Rx) \_\_\_\_\_

Alergi : Ya/Tidak, Jika ya : \_\_\_\_\_ Rawatan/Ubat-  
ubatan(Rx) \_\_\_\_\_

##### Tanda Vital



Tekanan Darah : \_\_\_\_\_ Nadi : \_\_\_\_\_ Suhu badan (°C): \_\_\_\_\_ Tarikh & Masa diambil :  
\_\_\_\_\_

Nama Jururawat bertugas : \_\_\_\_\_

**3. Pemantauan Kesihatan Harian**

Tarikh	Hari	Simptom(✓ /X)							
		Jaundis	Ruam/ Petechiae	Demam	Loya	Muntah	Sakit kepala	Sakit sendi	Sakit tulang

**Slip Pelepasan Kuarantin**

	<b>NO. SIRI :</b>
<b>PELEPASAN KUARANTIN KESIHATAN HEALTH QUARANTINE CLEARANCE</b>	
Tarikh: _____ <i>Date</i>	
Nama: _____ <i>Name</i>	
No. Pasport: _____ <i>Passport No.</i>	
Telah diberikan pelepasan dari Stesyen Kuarantin Kesihatan <i>(Has been released from Health Quarantine Station)</i>	
..... (Signature of Authorized Officer)	
..... (Name)	

Reten Bulanan Pintu Masuk Antarabangsa

Kementerian Kesihatan Malaysia  
Sistem Pengurusan Maklumat Kesihatan  
Kawalan Penyakit Berjangkit  
**PMA 301**  
Pnd.10/2006

Kod Fasiliti: 91-10090011  
Lokasi: PK Lapangan Terbang Antarabangsa KL  
Negeri: Selangor  
Tahun: 2018  
Bulan: Jan  
**PMA 301 Bahagian 1**

LAPORAN BULANAN PINTU MASUK ANTARABANGSA

Bil	PMA	Peringkat	II. Penumpang dan Anak Kapal yang Turun										III. Konsimen Tisu, Mikroorganisma dan Spesimen															
			I. Kelbaan		Yang Sakit/Disyaki Sakit		Yang Mati		Dari Negara Endemik Demam Kuning						Dimport													
			Diperiksa	Penumpang	Anak Kapal	Penumpang	Anak Kapal	Penyakit Berjangkit	Bukan Penyakit Berjangkit	Penyakit Berjangkit	Bukan Penyakit Berjangkit	Jumlah Yang Diperiksa	Dengan Sijil Yang Sah	< 10 hari	> 10 rahun	Dokumen Tak Lengkap	Dokumen Tak Lengkap Dan < 10 hari	Dokumen Tak Lengkap Dan > 10 rahun	Yang Dikuarantin	VIP	Bukan VIP	Kelas I	Kelas II	Kelas III	Kelas IV			
1	U	9110090078	KLIA Sepang (U)	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27
				Penumpang	Anak Kapal	Jumlah	Penumpang	Anak Kapal	Penumpang	Anak Kapal	Penyakit Berjangkit	Bukan Penyakit Berjangkit	Penyakit Berjangkit	Bukan Penyakit Berjangkit	Jumlah Yang Diperiksa	Dengan Sijil Yang Sah	< 10 hari	> 10 rahun	Dokumen Tak Lengkap	Dokumen Tak Lengkap Dan < 10 hari	Dokumen Tak Lengkap Dan > 10 rahun	Yang Dikuarantin	VIP	Bukan VIP	Kelas I	Kelas II	Kelas III	Kelas IV
				3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27
																									0	0	0	0
1	U	9110090078	KLIA Sepang (U)																									
2																												
3																												
4																												

**Surat Pengawasan kepada Undertaker**



**LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA  
KUALA LUMPUR TINGKAT 1, BANGUNAN  
PENTADBIRAN KLIA 64000 SEPANG**

Tel : 03-87763660 (Kuarantin),  
03-87763661 (Kuarantin 2)  
Fax : 03-87872054 (Pejabat), 03-87763658 (Kuarantin)  
E-mail : kesklia@moh.gov.my



**Yellow Fever Health Surveillance  
Undertaking Letter**

Your delegate/delegates as listed (Annex 1) have not fulfilled the Yellow Fever vaccination requirement under International health Regulations, 2005. You are required to be responsible for your delegate/delegates and to make sure instructions below to be followed:

- i. Daily report on Health status to nearest health facilities until completed surveillance period.
- ii. To report to the nearest hospital/ clinic for further management if develop any sign or symptom of Yellow Fever (eg. Fever, Backache with generalized muscle pain, nausea, vomiting, jaundice, bleeding symptoms etc.). You are also required to inform KLIA Health Office.

Name : .....

Signature : .....

Profession : .....

Passport no./Identification no : .....

Address : .....  
.....

Telephone no: House : .....

Office : .....


Hand Phone : .....

Programme Organized in Malaysia:

.....

.....  
(Signature of Authorized Officer)

.....  
(Name)



Lampiran 11  
KKM.YF 11/18

## Borang Perintah Pengawasan Kesihatan Demam Kuning

No. Siri :

### PERINTAH PENGAWASAN

Kepada: .....  
No. Kad Pengenalan / Pasport / Dokumen Pengenalan Diri : .....  
Alamat Semasa : .....  
.....  
No. Telefon:- Tempat tinggal :..... Pejabat :..... Bimbit  
.....

1. Bahawasanya saya mempunyai sebab-sebab yang munasabah bagi mempercayai bahawa kamu berkemungkinan boleh menimbulkan risiko kesihatan awam kerana disyaki berinfeksi penyakit Demam Kuning.

Oleh yang demikian kamu diperintahkan untuk menjalani pengawasan bagi tempoh .....hari dari ..... (tarikh) hingga ..... (tarikh) di.....(tempat tinggal di Malaysia).

2. Semasa tempoh di atas kamu dikehendaki mematuhi syarat-syarat seperti berikut:
  - i) Melaporkan status kesihatan kamu dengan menelefon ..... atau datang ke tempat pemeriksaan sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai diberikuasa,
  - ii) Melaporkan kepada pegawai diberikuasa dengan segera sekiranya mempunyai salah satu tanda atau gejala berikut : demam secara tiba-tiba, sakit belakang dengan sakit-sakit badan, loya dan muntah, jaundis, air kencing berwarna pekat, tanda-tanda pendarahan seperti eg: gusi berdarah, hidung berdarah, *black tarry stool* dll dan juga sebarang tanda tidak sihat.
  - iii) Bagi mencegah penularan penyakit, kamu hendaklah menjaga kebersihan diri pada setiap masa dan mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh pegawai diberikuasa,
  - iv) Tidak boleh dalam apa jua keadaan mendedahkan risiko kesihatan awam kepada pihak lain, dan
  - v) Mematuhi apa-apa arahan termasuk pemeriksaan yang dikenakan oleh pegawai diberikuasa dari masa ke semasa.

Perintah oleh : .....  
Tandatangan : .....  
Tarikh : .....

